

BAB 7 OPSYEN

7.01 Pendaftaran opsyen

- (1) Pembeli Kontrak Terbuka Opsyen yang diwujudkan menurut Kaedah 6.03 mesti membayar Premium kepada Pusat Penjelasan.
- (2) Penjual Kontrak Terbuka Opsyen yang diwujudkan menurut Kaedah 6.03 berhak menerima Premium daripada Pusat Penjelasan.
- (3) Premium yang dirujuk dalam Kaedah 7.01(1) menjadi perlu dibayar pada hari Kontrak Terbuka Opsyen yang berkaitan diwujudkan dan kena dibayar pada masa seperti yang dimaklumkan oleh Pusat Penjelasan.

7.02 Notis pelaksanaan

- (1) Pembeli yang melaksanakan haknya di bawah Kontrak Terbuka Opsyen mesti berbuat sedemikian mengikut syarat Kontrak Terbuka Opsyen dan memaklumkan Pusat Penjelasan tentang Pelaksanaan mengikut cara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Laksana adalah muktamad dan mengikat Pembeli.
- (3) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan dalam Kaedah-kaedah Bursa berhubung dengan Laksana, Peserta Penjelasan disifatkan telah melaksanakan haknya di bawah Kontrak Opsyen jika Peserta Penjelasan telah bertindak mengikut Kaedah 7.02(1) atau melalui pelaksanaan automatik seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah 7.03.

7.03 Pelaksanaan automatik

- (1) Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh Kontrak Terbuka Opsyen, menentukan prosedur yang menentukan Laksana automatik atau sebaliknya bagi Kontrak Terbuka Opsyen dengan Pembeli sebagai Peserta Penjelasannya.
- (2) Prosedur yang ditentukan mengikut Kaedah 7.03(1) akan terpakai kepada Peserta Penjelasan melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Peserta Penjelasan mengikut cara yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

7.04 Penyerahan hak Opsyen Dilaksanakan

- (1) Pusat Penjelasan akan menyerahkan hak semua Opsyen Dilaksanakan yang sah kepada Peserta Penjelasan dengan Kedudukan Singkat terbuka dalam siri yang sama mengikut cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta Penjelasan yang diberikan Opsyen Dilaksanakan menurut Kaedah 7.04(1) di atas.

7.05 Tamat tempoh Opsyen

Hak Pembeli dalam Kontrak Terbuka Opsyen yang belum Dilaksanakan mengikut Kaedah 7.02, 7.03 atau 7.04 sebelum waktu terakhir yang dibenarkan mengikut syarat Kontrak Terbuka Opsyen itu disifatkan telah tamat tempoh.

7.06 Novasi Opsyen

Jika hak dan obligasi Peserta Penjelasan (“pemindah”) di bawah Kontrak Terbuka Opsyen dinovasikan sepenuhnya menurut Kaedah 6.11 kepada Peserta Penjelasan lain (“penerima pindahan”):

- (a) jika pemindah merupakan Pembeli dalam Kontrak Terbuka itu, Premium bagi Kontrak Terbuka baharu akan dikreditkan ke dalam akaun pemindah dan didebitkan ke dalam akaun penerima pindahan;
- (b) jika pemindah merupakan Penjual dalam Kontrak Terbuka itu, Premium bagi Kontrak Terbuka baharu akan didebitkan ke dalam akaun pemindah dan dikreditkan ke dalam akaun penerima pindahan.

7.07 Pelaksanaan Opsyen

Jika Opsyen Dilaksanakan mengikut Kaedah 7.02, 7.03 atau 7.04:

- (a) dalam hal Opsyen Panggilan; Kontrak Niaga Hadapan, yang bagi tujuan Kaedah-kaedah ini akan menjadi Kontrak Terbuka, diwujudkan antara pihak kepada Opsyen itu berdasarkan syarat yang ditentukan mengikut Opsyen tersebut dan Pembeli dalam Opsyen tersebut hendaklah menjadi Pembeli dalam Kontrak Niaga Hadapan;
- (b) dalam hal Opsyen Jualan; Kontrak Niaga Hadapan, yang bagi maksud Kaedah-kaedah ini akan menjadi Kontrak Terbuka, diwujudkan antara pihak kepada Opsyen itu berdasarkan syarat yang ditentukan mengikut Opsyen tersebut dan Pembeli dalam Opsyen tersebut hendaklah menjadi Penjual dalam Kontrak Niaga Hadapan.

7.08 Fi Laksana/penyerahan hak

Setiap Peserta Penjelasan mesti membayar fi atau levi sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan berhubung dengan Laksana setiap Kontrak Terbuka Opsyen yang Peserta Penjelasan tersebut ialah satu pihak.

[Bab Tamat]